

Borang Pelepasan Hakmilik Anugerah Seni MRCB 2008

Saya, _____ (Nama)
dan _____ (No.Kad Pengenalan),

adalah pelukis asal kepada hasil karya bertajuk:

(Tajuk Karya) bersedia untuk memberi dan memindah milik untuk selama-lamanya kepada pihak penganjur Anugerah Seni MRCB 2008 (Pihak Penganjur), akan semua hak saya, tajuk dan kepentingan berhubung atau yang berkaitan dengan hasil karya ciptaan asli saya seperti yang dinyatakan di bawah (seterusnya merujuk kepada "Hasil Karya"), termasuklah tanpa had/batasan, hakcipta terpelihara dan/atau hak untuk mendaftar hakcipta terpelihara di bawah Perlembagaan Malaysia serta mana-mana pembaharuan dan penambahan hakcipta di bawah Perlembagaan Malaysia serta di mana-mana negara di dunia ini.

Dengan ini, saya mengesahkan dan menjamin bahawa saya merupakan satu-satunya pemilik hasil karya tersebut, ia merupakan hasil karya asli ciptaan saya, yang mana tidak pernah diterbitkan lagi sebelum ini, dan saya tidak terikat dengan mana-mana kontrak atau mana-mana pihak pengurusan yang boleh mengganggu atau menghalang segala urusan pemindahan hak milik, tajuk serta kepentingan seperti yang dinyatakan diatas.

Dengan ini saya merupakan nama seperti yang di bawah merupakan pelukis asal kepada hasil karya yang mana dilampirkan bersama-sama ini dan menjamin bahawa hasil karya tersebut bukanlah satu peniruan daripada hasil karya yang mempunyai persamaan dari segi tema dan sifat semulajadinya di bawah Perlembagaan Malaysia dan/atau di mana-mana Negara di dunia ini.

Saya memahami bahawa saya berhak untuk menggunakan hasil karya saya yang terdahulu untuk tujuan promosi atas kebenaran secara bertulis daripada pihak penganjur Anugerah Seni MRCB 2008.

Sekiranya hasil karya saya didapati melanggar hakcipta, saya juga bersetuju untuk bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang mana pihak penganjur; serta pengurus, pegawai, agen dan pekerja yang mana-mana masing-masing telah diperuntukkan serta bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan, tanggungan, kehilangan dan kerosakan; termasuk bayaran peguam yang berpatutan; yang mana berpunca daripada ketidakmampuan saya untuk membuktikan kesahihan seperti apa yang dinyatakan di atas (dalam perenggan 1 dan 2) serta untuk mempertahankan atas pendakwaan oleh pihak lain.

Tandatangan Peserta

Tarikh :